



# 'Kami tak sempat berhenti'

Pasangan baharu nikah langgar pokok tumbang depan KLCC

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

**S**iapa duga pagi pertama selepas dijabkabulkan, pasangan pengantin baharu Mira Ezwa Abdul Rashid, 25, dan suaminya Nor Azrul Mohamad, 37, ditimpa musibah.

Pasangan itu yang dalam perjalanan ke tempat kerja tidak sempat mengelak apabila sebatang pokok besar tiba-tiba tumbang merentangi jalan dalam kejadian berhampiran Menara Berkembar Petronas KLCC, di Jalan Ampang, di sini, pagi semalam.

Mira berkata, dalam kejadian pagi semalam, dia membongkang motosikal bersama suaminya untuk ke tempat kerja sebelum pokok besar berusia lebih 130 tahun itu tiba-tiba tumbang.

"Ketika itu motosikal yang dinaiki sedang bergerak dan tidak sempat mengelak pokok



Nor Azrul Mohamad, 37, tidak sedarkan diri selepas motosikal ditunggang merempuh pokok yang tumbang, semalam.

tersebut. Kami bukannya dihempap tetapi tak sempat berhenti motosikal, terus rempuh pokok itu.

"Kejadian berlaku terlalu pantas. Saya tak dapat ingat cedera kena apa. Tapi saya luka di bahagian kepala terpaksa jahit dan terima rawatan sebagai pesakit luar," katanya kepada *Sinar Harian*.

Suaminya pula dimasukkan ke zon kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL) dilaporkan sudah stabil.

"Saya pulang ke rumah selepas menerima jahitan di kepala. Saya tidak berdaya untuk tunggu di hospital hanya menunggu perkembang-

info

• Isteri cedera di kepala, suami sudah stabil

an daripada pihak HKL," katanya.

Tambahnya dia masih tidak dimaklumkan kecederaan terperinci suaminya.

"Yang saya lihat bahagian bibimya pecah dan dia terbaring di tempat kejadian dalam keadaan separuh sedar. Dia dengar orang panggil tapi tidak dapat beri maklum balas," katanya.

Kedua-dua mangsa me-

rupakan pengawal keselamatan dan semalam merupakan hari pertama Mira lapor diri di tempat kerja di Jalan Ampang.

Sementara itu, Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khiruddin Drahan, berkata, kejadian yang berlaku kira-kira jam 7.30 pagi di persimpangan simpang empat hadapan Menara Berkembar KLCC itu turut melibatkan sebuah kereta.

"Turut dihempap sebuah kereta namun pemandu kereta berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.



Pokok yang tumbang merentangi jalan.

## Pokok tumbang berusia lebih 130 tahun

**KUALA LUMPUR** - Pokok besar yang tumbang di Jalan Ampang, hadapan KLCC sehingga mencederakan sepasang suami isteri, berusia lebih 130 tahun.

Pengarah Jabatan Peternakan Korporat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Fadzillah Abd Rashid, berkata, ia merupakan dari spesies Hutan-Hujan yang mempunyai ukur lilit 4.65 meter yang juga merupakan antara tanaman terawal dalam sejarah penanaman landskap di Jalan Ampang.

Menurutnya, semua pokok-pokok di Jalan Ampang diselenggara mengikut jadual sebanyak dua kali setahun.

"Pada tahun 2017, kerja-kerja selenggaraan pokok-pokok dijalankan pada 1 hingga 30 April 2017, dan 11 hingga 27 Disember 2017. Kerja kerja yang terlibat pada selenggara-

an terakhir adalah penebangan 3 batang pokok, 70 cantasan dan kerja-kerja *crowd reduction* ke atas 19 pokok-pokok.

"Secara fizikal pokok yang tumbang tersebut berada di dalam keadaan yang baik. Berdasarkan pemerhatian di tapak selepas kejadian tersebut didapati pokok tersebut mengalami pereputan pada bahagian akarnya yang tidak dapat dilihat secara fizikal dan keadaan ini adalah di luar jangkaan.

"Pereputan akar pokok ini memberi kesan kepada pertumbuhan akar pokok yang menyebabkan pokok tidak stabil dan mudah tumbang," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah beliau, susulan kejadian itu, DBKL sudah mengambil tindakan penambahbaikan dalam melaksanakan kerja-kerja pe-

nyelenggaraan di mana pihak kontraktor wajib melantik *Arborist* untuk membuat pemeriksaan pokok secara fizikal.

"Hasil daripada laporan *Arborist* tersebut, pihak DBKL akan dapat mengenal pasti lokasi pokok yang berisiko untuk diambil tindakan.

"DBKL juga sedang merangka Pelan Pengurusan Pokok Berisiko dengan memberi keutamaan di kawasan tepian jalan.

"Melalui laporan tersebut *Arborist* akan dilantik untuk membuat pemeriksaan secara terperinci.

"Hasil daripada pemeriksaan ini, *Arborist* perlu mengemukakan cadangan cadangan pengurusan pokok yang perlu dilaksanakan sama ada dikekal, ditebang dengan membuat penggantian atau ditebang tanpa penggantian," katanya.



Pokok yang tumbang dikatakan dari spesies Hutan-Hujan yang mempunyai ukur lilit 4.65 meter yang juga merupakan antara tanaman terawal dalam sejarah penanaman landskap di Jalan Ampang.